

# Pelabur minat sertai perkilangan

BH 17 APR 1992

Oleh Azhar Abu Samah

PELABURAN awal \$300 juta kilang tekstil Hualon Corporation, di Tangga Batu, Melaka, dijangka mampu menjadikan Malaysia pengeksport tekstil terkemuka dunia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Hualon Corporation juga akan membina sebuah lagi kilangnya di Negeri Sembilan, mengeluarkan *polyester filament yarn* dan *filament fabrics*.

"Menerusi dua kilang itu yang membabitkan keseluruhan pelaburan kira-kira \$1 bilion, kumpulan itu bercadang memperluaskan pengeluaran tekstil dengan menerajui *air-jet woven fabrics* dan *knitted fabrics*," katanya ketika merasmikan kilang tekstil Hualon, di Melaka, semalam.

Dr Mahathir berkata, pelaburan besar itu dapat mempertingkatkan proses perindustrian negara, terutama perkilangan di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan hidup rakyat.

"Kita bersyukur keadaan politik yang stabil

berjaya menarik pelabur asing ke negara ini. Di samping itu, dasar kerajaan yang fleksibel dan konsisten berjaya mengekalkan pelabur asing yang sudah berpuluh tahun melabur di Malaysia," katanya.

Menurutnya, pelaburan besar itu mencerminkan keyakinan Hualon kepada Malaysia yang berdaya maju di segi pangkalan industri yang kukuh dan menjadi pusat jualan barangan antarabangsa kompetitif.

Katanya, kebanyakan pelabur asing lebih berminat menyertai sektor perkilangan dan jumlah pelaburan yang sudah diluluskan meningkat begitu pesat sekali. Pelaburan mereka meningkat sekali ganda setiap tahun daripada \$2.060 bilion pada 1987 kepada \$4.878 bilion pada 1988 manakala \$8.653 bilion (1989) kepada \$16 bilion (1991).

Menurutnya, walaupun Malaysia berjaya menarik pelaburan industri perkilangan, namun ia tidak bebas daripada masalah kekurangan tenaga kerja. Bagaimanapun, masalah

itu tidak akan menyekat Malaysia menjadi negara industri dan dijadikan alasan menangguhkan proses perindustrian.

Sehubungan itu, katanya, tumpuan kerajaan kini ialah kepada industri bermodal besar dan menggunakan teknologi tinggi, yang kurang menggunakan tenaga manusia. Untuk menjayakan industri sedemikian, rakyat sanggup bersabar untuk mendapat latihan sesuai.

Pada sebelah pagi, Dr Mahathir meluangkan masa melawat tapak pembinaan jeti loji penapis minyak Petronas di Tangga Batu diiringi Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik.

Beliau turut menaiki kapal korek 'Prins Der Netherland' bagi meninjau perkembangan pembinaan jeti bernilai \$557 juta (AS\$223 juta) yang dikendalikan bersama oleh Hyundai Engineering, Jurutera Konsultan (SEA), YM Industries dan Ho Hup Construction, untuk mengendalikan pemunggaan minyak mentah dan petroleum untuk dieskport.